



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/11/91 (HQ)

MENGUBAH CABARAN MENJADI PELUANG

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaksanakan program transformasi 'Reimagining TNB' bagi merubah cabaran berat yang melanda utiliti elektrik kebelakangan ini, menjadi pelbagai peluang usaha niaga baru untuk syarikat.

Menyifatkan cabaran berat itu sebagai 'perubahan besar', Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata 'trilema' tenaga dan 'gangguan' yang timbul akibat wujudnya pelbagai teknologi yang merubah kebiasaan turut mengubah landskap utiliti.

"Kami di TNB melihat perubahan besar ini sebagai peluang dan bersedia menghadapinya dengan strategi-strategi tertentu di bawah program transformasi 'Reimagining TNB'," kata beliau lagi.

Bercakap di 'The 21st Conference of the Electric Power Supply Industry' (CEPSI 2016) di Bangkok, Thailand baru-baru ini, beliau berkata industri kini berhadapan 'trilema' merangkumi cabaran untuk menangani keselamatan tenaga, menyediakan akses kepada perkhidmatan tenaga pada harga berpatutan serta pengeluaran dan penggunaan tenaga mesra alam.

Mengenai teknologi disruptif, beliau berkata cabaran timbul berikutan wujudnya persaingan sengit antaranya daripada tenaga boleh diperbaharui, bateri penyimpanan tenaga yang semakin efisien, Internet-of-Things, grid pintar dan bandaraya pintar serta keperluan untuk menggabungkannya menjadi perniagaan dan operasi.

Dalam mengubah cabaran menjadi peluang menerusi 'Reimagining TNB', Ir. Azman berkata ia melibatkan empat teras utama.

Empat teras itu ialah meneroka sumber generasi masa hadapan secara aktif, terutamanya sumber-sumber tenaga boleh diperbaharui; memberi tumpuan pada grid masa hadapan termasuk grid pintar; memenangi hati pelanggan dengan pelbagai perkhidmatan dan produk dipertingkat; serta peraturan khususnya di bawah Kawal Selia Berdasarkan Insentif.

CEPSI 2016 dihadiri negara-negara pengasas *The Association of the Electricity Supply Industry of East Asia and the Western Pacific (AES/EAP)* termasuk Australia, Hong Kong, Indonesia, Korea, Malaysia, Thailand, Papua New Guinea dan Singapura.

TNB dijangka menjadi tuan rumah bagi *AES/EAP CEO Conference 2017* pada 23-25 Oktober 2017 di Pulau Pinang dan CEPSI 2018 pada 17-23 September 2018 di Kuala Lumpur.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 November 2016

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)
media@tnb.com.my*